

# PPZ-MAIWP kutip RM400 juta potongan zakat majikan

SINAR HARIAN 24/11/2023 M/S: 07

**SHAH ALAM** - Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) mengutip RM400 juta potongan zakat daripada majikan melalui pemotongan zakat kakitangan mereka di PPZ-MAIWP.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman, kutipan berkenaan dikutip bermula Januari hingga Oktober tahun ini.

“Dengan potongan zakat kakitangan syarikat inilah ia dapat memastikan bantuan kewangan bulanan kepada lebih 30,200 keluarga asnaf khususnya di Wilayah Persekutuan mencukupi,” katanya pada Majlis Mesra Majikan anjuran PPZ-MAIWP di Matrade Exhibition & Conversation Centre (MECC), di sini pada Khamis.

Majlis dihadiri 140 majikan daripada sektor kerajaan dan swasta sekitar ibu negara bertujuan menyampaikan maklumat terkini mengenai perkhidmatan dan tawaran PPZ-MAIWP.

“Ia bagi memudahkan kakitangan sektor awam dan swasta untuk membuat potongan gaji melalui majikan mereka,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menambah, MAIWP menaikkan kadar bantuan barangan keperluan asasi asnaf daripada RM150 kepada RM300 bagi setiap penerima zakat sebagai usaha membantu golongan terkesan akibat inflasi negara bermula tahun depan.

“Peningkatan kadar bantuan ini

Abdul Hakim (belakang, tengah) bergambar bersama penerima anugerah majikan terbaillterbaik.



pastinya memerlukan lebih banyak dana zakat. Justeru, kami berharap lebih ramai pihak dapat melunaskan tanggungjawab berzakat mereka supaya lebih ramai asnaf dapat menerima manfaatnya,” katanya.

Terdahulu, pada majlis sama, PPZ-MAIWP turut memberi Anugerah Majikan Terbaik sebagai tanda penghargaan kepada 20 majikan terpilih yang cemerlang dalam menggalakkan dan menguruskan potongan zakat kakitangan mereka.

Antara majikan yang menerima anugerah adalah Bahagian Akaun Jabatan Perdana Menteri (JPM), CIDB Holdings Sdn Bhd, Mohd Zulkarnain Enterprise Sdn Bhd, Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Bhd dan SME Corp Malaysia.

Turut menerima anugerah ialah Takaful Malaysia Keluarga Bhd, TM Technology Services Sdn Bhd, UMW, RHB Bank, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Tenaga Nasional Bhd.

Selain itu ialah Kementerian Pendidikan Malaysia, Roc Oil (Sarawak) Sdn Bhd, Petronas, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Empat lagi syarikat ialah Khazanah Nasional Bhd, Habib Group (Koperasi Habib), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDS) dan Permodalan Nasional Bhd.

Menurut Abdul Hakim, anugerah itu diberikan kepada syarikat yang konsisten, efisien dan cemerlang baik dari segi ko-

munikasi mahupun kerjasama dalam menghantar data serta bukti pembayaran.

Dalam pada itu, Kempen Jom Potong (Skim PZB) 2023 masih berlangsung sehingga 31 Disember untuk mereka yang mahu atau menambah potongan zakat dan berpeluang memenangi hadiah utama iaitu Pakej Percutian ke Balkan dan pelbagai hadiah menarik lain.

“Inilah antara komitmen PPZ-MAIWP dalam menitikberatkan usaha dakwah, sekali gus memudahkan pembayar menunaikan zakat supaya asnaf khususnya dapat menikmati manfaat daripada agihan dana zakat untuk kelangsungan hidup mereka,” katanya.